

**MURUKSI SKUAD KUALA LANGAT, SEPANG**  
 NURUL FIRDAUS KHAIIR - 019-6880920 / 019-3371068

**KUALA LANGAT, SEPANG**

# Air pasang besar masih terkawal

MDKL sediakan 18 anggota bantu jalankan kerja operasi dalam pelbagai situasi

**BANTING** - Keadaan air pasang besar yang dijangka berlaku beberapa hari ini masih lagi terkawal.

Namun, beberapa kawasan yang dinaiki air disebabkan hujan lebat seawal jam 8 pagi semalam turut dilihat surut.

Bagaimanapun, keadaan hujan lebat berserta angin kencang itu menyebabkan pokok berhampiran laluan dari arah Pasar Awam Banting menghala ke Banting tumbang hingga menyebabkan kenderaan terpaksa mencari laluan alternatif lain.

Dalam pada itu, Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) meletakkan kesemua anggota Skwad Pantas MDKL dalam keadaan siap siaga bagi digerakkan pada bila-bila masa bermula 13 hingga 18 November ini untuk menghadapi bencana air pasang besar ketika ini.

Yang Dipertua MDKL, Mohd Azhar Mohamed Ali berkata, pihaknya mempunyai 18 anggota bagi membantu menjalankan kerja-kerja operasi dalam pelbagai situasi yang berlaku.

Selain itu, skuad ini turut dilengkap dengan beberapa jentera dan



Laluan jalan di sebahagian premis kedai di Pekan Banting ditenggelami air disebabkan hujan lebat.



Anggota Pantas bertungkus-lumus memotong pokok yang tumbang menghalang kenderaan melalui kawasan itu.

peralatan bagi memberikan khidmat serta bantuan menyelamat.

Bagaimanapun, sekiranya berlaku bencana yang diakibatkan oleh air pasang besar di daerah Kuala Langat, Skwad Pantas ini akan turut bersama agensi penyelamat yang lain di bawah penyelarasan yang dikendalikan Pejabat Daerah Kuala Langat dan Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM).

Dalam situasi terkini yang berlaku awal pagi semalam, Skwad Pantas MDKL bergegas menjalankan operasi

memotong dan mengalihkan pokok yang tumbang di hadapan restoran makanan segera di Pekan Banting, Jalan Jelawat 1 dan juga di Taman Halijahton.

"Seramai 12 orang terdiri daripada tujuh anggota Skwad Pantas dan lima orang dari Jabatan Landskap MDKL bergegas seurus menerima maklumat orang awam mengenai pokok tumbang yang menghalang laluan jalan raya," katanya.

Sehubungan itu, Mohd Azhar berharap agar penduduk yang ting-

gal berdekatan Pantai Kelanang dan pesisir Pantai Tanjung Sepat sentiasa meningkatkan keselamatan bagi mengelakkan tiada sebarang kejadian tidak diingini berlaku selain pemandu lebih berhati-hati ketika melalui kawasan berisiko dan memaklumkan kepada pihak berkuasa sekiranya melihat kejadian seumpamanya berlaku.

Dalam pada itu, tinjauan *Sinar Harian* di beberapa kawasan mendapati, laluan jalan berhampiran beberapa premis kedai di Banting

dinaiki air dipercayai disebabkan pelbagai masalah.

Kebanyakan peniaga yang ditemui memaklumkan masalah sama masih berlaku sekiranya hujan lebat.

Keadaan itu dilihat masih tiada jalan penyelesaian daripada pihak bertanggungjawab sedangkan aduan dibuat beberapa kali. Akibatnya, selepas air surut ada peniaga yang merungut apabila keadaan premis mereka dipenuhi sampah disebabkan keadaan air yang melimpah itu.

Dalam pada itu, tinjauan *Sinar Harian* di beberapa kawasan mendapati, laluan jalan berhampiran beberapa premis kedai di Banting

## Laluan alternatif ambulans dibina

**BANTING** - Kerja-kerja pembinaan laluan alternatif untuk kegunaan ambulans di Hospital Banting sedang rancak disiapkan.

Difahamkan, aduan pelanggan hospital termasuk ahli keluarga pesakit yang beberapa kali pernah disiaran *Sinar Harian* sejak empat tahun lalu bakal menarik nafas lega dalam melihat perkhidmatan ambulans di hospital tersebut dapat berjalan dengan lancar.

Pengarah Hospital Banting, Dr Sabrina Che Abd Rahman berkata, pihaknya menerima peruntukkan daripada kerajaan persekutuan melalui Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sebanyak RM61,000 untuk membina laluan keluar alternatif bagi ambulans sepanjang 20 meter.

Menurutnya, tidak dinafikan pihaknya terpaksa memohon jasa baik pihak Ibu Pejabat Polis Daerah Kuala Langat dalam memohon melalui kawasan itu untuk kegunaan ambulans selepas berdepan dengan pelbagai masalah kesesakan lalu lintas di hadapan hospital.

"Mujiur dapat maklum balas yang baik dan pihak hospital bakal memanfaatkan kemudahan itu bagi memberi perkhidmatan terbaik kepada pelanggan. Kita juga mahu laluan



Abdul Razak turut melawat tapak laluan alternatif bagi kegunaan ambulans bersama Pengerusi Majlis Pembangunan Luar Bandar Parlimen Kuala Langat, Datuk Sulaiman Mohd Karil dan Sabrina.

untuk kegunaan ambulans terutama ketika waktu puncak itu dapat menjamin kelancaran ambulans dalam masa kecemasan untuk keluar dari hospital membawa pesakit," katanya ketika mengadakan lawatan ke kawasan kerja-kerja pembinaan laluan alternatif bagi kegunaan ambulans di Hospital Banting.

Sementara itu, Pengerusi Ahli Lembaga Pelawat Hospital Banting, Abdul Razak Khasbullah berkata, pihaknya menjangkakan laluan itu dapat digunakan pada Disember ini apabila kerja-kerja menurap jalan selesai. Katanya, beliau berterima ka-

sih kepada Ketua Polis Daerah Kuala Langat, Superintenden Zailan Tasir dalam membenarkan tembok laluan tersebut dibuka untuk membantu ambulans membawa pesakit di waktu kecemasan menggunakan susur keluar di hadapan IPD Kuala Langat.

"Masalah timbul apabila mereka terpaksa menunggu agak lama apabila keluar dari hospital untuk mendapat laluan pengguna kenderaan lain. Ada pula pemandu yang tidak bertoleransi untuk beri laluan ambulans, sebab itu kita cari jalan untuk gunakan laluan alternatif sebagai usaha melancarkan perjalanan ambulans," katanya.

## Morib Fun Run 2016 Disember depan

**MORIB** - Orang ramai dijemput menyertai Morib Fun Run 2016 yang adakan diadakan pada 31 Disember depan.

Peserta berpeluang menerima baju-T percuma di samping pelbagai hadiah cabutan bertuah antaranya TV LED, barangan elektrik dan hamper.

Program sosial dan ke-

masyarakatan Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) itu nanti turut menyaksikan Dataran Pantai Morib dipenuhi peserta yang mengambil bahagian tidak kira latar belakang dan peringkat umur.

Medal turut diberikan kepada peserta yang mengambil bahagian.



**KLIK** TURUT SERTA... Sebahagian peserta yang menyertai Karnival Kesihatan 2016. Pelbagai aktiviti diadakan termasuk Pemeriksaan Kesihatan, Senamrobik, Ikrar Derma Organ, Kenali Ubat Anda dan derma darah.